

Headline	Azman diberi notis lepas jawatan Presiden, CEO TNB		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Mar 2019	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Bisnes	Page No	23
ArticleSize	463 cm ²	Journalist	Zarina Zakariah
PR Value	RM 47,880		



Azman diberi notis lepas jawatan Presiden, CEO TNB

→ Perubahan pengurusan tertinggi kumpulan utiliti dijangka diumumkan minggu ini



Azman Mohd

Oleh **Zarina Zakariah**
zarinaz@mediaprima.com.my

Datuk Seri Azman Mohd diminta melepaskan jawatannya sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tenaga Nasional Bhd (TNB), demikian mengikut sumber dekat dengan syarikat utiliti itu.

Sumber berkata, Azman sudah diberi notis supaya meletakkan jawatannya pada Jumaat lalu.

Ia adalah sesuatu yang mengejutkan kerana kontrak Azman dilanjutkan selama dua tahun pada 1 Julai tahun lalu.

Lanjutan kontrak berkenaan adalah yang kedua selepas Azman dilantik sebagai Presiden dan CEO Kumpulan pada 1 Julai 2012 selepas berkhidmat selama 36 tahun dalam pelbagai jawatan dengan TNB.

Sudah ada pengganti

Sumber berkata, Pengerusi UEM Edgenta Bhd, Amir Hamzah Azizan dipercayai bakal menggantikan Azman di TNB.

Pengumuman mengenai perubahan pengurusan tertinggi kumpulan utiliti itu dijangka diadakan pada minggu ini, kata sumber itu lagi.

Amir Hamzah, anak kepada bekas Pengerusi PETRONAS, Tun Azizan Zainul Abidin, dilantik ke Lembaga Penga-

rah UEM Edgenta pada 1 Julai 2016 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas sebelum menjadi Timbalan Pengerusi pada 13 Julai 2016.

Kemudian beliau dilantik semula sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah pada 29 Ogos 2016 dan sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 1 Disember 2017.

28 tahun pengalaman

Amir Hamzah mempunyai 28 tahun pengalaman dalam industri dan pada peringkat antarabangsa serta berpengetahuan luas dalam industri minyak dan gas, termasuk sektor logistik lautan.

Amir Hamzah memulakan kerjayanya di dalam Kumpulan Syarikat Shell selama 10 tahun, berkhidmat dalam pelbagai kapasiti.

Selain itu, beliau juga memangku jawatan Naib Presiden Pemasaran Hiliran PETRONAS bermula 1 Mac 2011 hingga 2 Julai 2013, sebelum menjadi Naib Presiden syarikat minyak nasional itu.

Sebelum ini, Ketua Pegawai Strategi dan Kawal Selia TNB, Datuk Fazlur Rahman Zainuddin dikatakan akan menjawat jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan seterusnya sebagai sebahagian daripada pusingan jawatan.

Pelantikan itu adalah sebahagian daripada giliran jawatan, sejajar dengan program perancangan penggantian.

Fazlur, 49, pernah menjadi Ketua Pegawai Kewangan TNB dan Naib Presiden Kewangan Kumpulan sejak 1 Julai 2012.